



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.49 (15)
Tarikh : 10 Disember 2018

SIARAN MEDIA

10 DISEMBER 2018

KONVENSYEN PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

PUTRAJAYA, 10 Disember 2018 – YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Konvensyen Pemerkasas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berlangsung pagi ini di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konvensyen dua hari dengan tema “Bandar Kita Milik Kita” dianjurkan untuk memperkukuh peranan PBT selaras dengan hala tuju Kerajaan baharu dan memberikan peluang kepada Ahli Majlis untuk bertukar pandangan serta menyumbang idea ke arah menjadikan perkhidmatan PBT lebih dinamik.

Konvensyen ini juga berkongsi amalan terbaik mengenai *Local Government Election* dan *Towering Personality For Local Government Councillors* yang disampaikan oleh penceramah antarabangsa dari *Commonwealth Local Government Forum* (CLGF).

Konvensyen ini merupakan platform yang julung kali mengumpulkan seramai 3,000 orang Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha PBT dan Ahli Majlis seluruh Malaysia dalam satu wacana secara kolektif.

Seramai 18 orang tokoh dari luar negara dan tempatan akan mengupas isu-isu semasa melalui sesi perbincangan panel dan *parallel session*. Kesemua topik yang dibincangkan menjurus kepada isu-isu, cabaran semasa dan cadangan strategi dalam melaksanakan agenda PBT seperti *Sustainable Development Goal* dan *New Urban Agenda*.

Komponen Utama dalam Program Konvensyen Pemerksaan PBT adalah seperti berikut:

1. Sesi *Town Hall* Bersama YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri KPKT
Tajuk: Memperkasakan PBT di Malaysia: Isu dan Cabaran

2. Empat (4) sesi perbincangan panel iaitu:

- (i) Hala Tuju Baharu PBT di Malaysia
- (ii) Peranan Pemegang Taruh dalam Pembangunan Bandar
- (iii) Pengurusan Mapan Kerajaan Tempatan
- (iv) Bandar Kita, Milik Kita

3. *Training Session & Networking Event (Break-up Sessions)*

Penganjuran konvensyen ini dijangka dapat memberikan nilai tambah bagi memenuhi aspirasi ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di PBT pada masa hadapan. Untuk keretangan lanjut sila layari <http://konvensyenpbt.kpkt.gov.my/>.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my